

Ayam siap diproses diletak di atas lantai kotor

Kuala Lumpur: Beroperasi dalam keadaan persekitaran yang kotor selain ayam disembelih oleh warga asing.

Itu antara penemuan hasil serbuan sepasukan anggota Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap sebuah pusat sembelihan ayam yang kotor di Kampung Cheras Baru di sini, semalam.

DBKL dalam satu kenya-



Semua pekerja warga asing didapati tidak mendapatkan suntikan typhoid dan tiada sijil pengendali makanan”

Kenyataan DBKL

taannya berkata, melalui operasi Jabatan Penguatkuasaan serta Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan DBKL itu, pihaknya menemui ayam siap diproses dan diletakkan di atas lantai kotor di premis itu.

“Selain itu, terdapat air sisa darah, tulang dan bulu juga dilepaskan terus ke longkang awam. Pusat sembelihan ini juga dida-

pati tidak mempunyai loji rawatan air yang sesuai dan air yang digunakan untuk membersihkan ayam juga tidak diganti secara berkala.

“Selain beroperasi tanpa lesen perniagaan, kesemua pekerja membabitkan warga asing juga didapati tidak mendapatkan suntikan typhoid dan tiada sijil pengendali makanan. Lokasi ini juga membabitkan tiga

syarikat yang berbeza walaupun berada di lokasi sama.

“DBKL juga mengeluarkan tiga notis perintah penutupan premis dikeluarkan di bawah UUK 28(1) Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan berkuatkuasa serta merta.

“Selain itu 3 kompaun mengikut Seksyen 47(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, 2 kompaun di

bawah seksyen 23(3)(b) dan 3 kompaun di bawah seksyen 33(3) UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016 turut dikeluarkan kepada pihak operator,” katanya.

DBKL juga akan merujuk kes ini kepada Jabatan Agama Islam, Jabatan Alam Sekitar serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk tindakan susulan.